

**BENGKEL DAN MAJLIS PENYERAHAN BUKU PELAN TINDAKAN PEMBERSIHAN PANTAI (PTPP)
AKIBAT TUMPAHAN MINYAK PERINGKAT NEGERI MELAKA ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI MELAKA**

5 Oktober 2022, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menganjurkan Bengkel dan Majlis Penyerahan Buku Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Akibat Tumpahan Minyak Peringkat Negeri Melaka yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Zaidi Bin Attan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka pada 13 - 15 September 2022 yang lalu bertempat di Pulau Pangkor, Perak. Bengkel ini turut dihadiri oleh pelbagai agensi yang terlibat dalam Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP). Objektif bengkel ini diadakan adalah memperincikan tanggungjawab dan bidang kuasa yang perlu dimainkan oleh setiap agensi sekiranya berlaku pencemaran akibat tumpahan minyak di dalam Negeri Melaka.

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka